



مسابقة تلاوة القرآن بين الأجيال

# MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA KEBANGSAAN

(PERINGKAT AKHIR)  
1438H/ 2017M

Anjuran  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

Hari Khamis  
15 Syaaban 1438H bersamaan 11hb Mei  
2017M

Dewan Digadong,  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



لسا كيتن ماش دفن كيتن  
Our Youth Our Future

## *Kandungan*

Salam Muhibah	1
Sekapur Sireh Pengarah Belia dan Sukan	4
Syarat dan Format	5
Atur cara Majlis	8
Biodata Qari dan Qariah	9
Senarai Hakim	19
Senarai Maqra	20
Senarai Nama-Nama Johan Qari & Qariah dari Tahun 1995 -2016	21
Ristaan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 2016	23
Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih	24

## **Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih**

Borneo Bulletin  
Media Permata  
BRUNEI PRESS SDN BHD

Kumpulan Tausyeh Al-Wildan

Dan kepada sesiapa jua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Musabaqah  
Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 1438H/2017M [Peringkat Akhir]

## **Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih**

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1438H/2017M mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan dan kerjasama, buah fikiran dan material bagi menjayakan majlis ini terutama sekali kepada :

Tetamu Kehormat Majlis

Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Jejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof,  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Negara Brunei Darussalam

Para Tetamu Khas dan Jemputan-Jemputan

Ibu bapa / Penjaga

Radio Televisyen Brunei  
Jabatan Penerangan  
JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Hal Ehwal Masjid  
Bahagian Kemajuan Syair Islam  
Jabatan Hal Ehwal Masjid  
Jabatan Pengajian Islam

Jabatan Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali [UNISSA]

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan [KUPUSB]  
Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BRUNEI

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi [JASTRE]  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## **Salam Muhibah**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua membolehkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengungkayahkan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan pada tahun ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia.

Kita baru sahaja menyambut Hari Keluarga Kebangsaan yang mengetengahkan kasih sayang sebagai faktor utama kebahagian keluarga. Mendidik serta membesarkan anak memang bukan perkara yang mudah. Pada tahap pembesarnya, anak kerap kali melakukan kesalahan yang adalah sebahagian daripada proses pembelajaran. Justeru disiplin adalah satu bentuk pengurusan tingkah laku. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus menerus merancang program selepas sekolah yang sesuai untuk membentuk disiplin belia. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menyelami dahulu apa yang menjadi minat mereka dan kita gilap bakat yang tersembunyi yang mereka ada. Setiap yang baik pastinya sukar untuk dimulai namun jika kita mempunyai matlamat yang satu tiada rintangan yang tidak boleh di atasi.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan ini adalah salah satu pendekatan yang amat bersesuaian dalam usaha kita melahirkan generasi belia yang berdisiplin dan mempunyai keperibadian yang unggul dan mantap.

Sesuai dengan peranan Al-Qur'an itu sendiri sebagai petunjuk dan pengubah jalan kepada umat manusia maka amatlah sesuai seandainya generasi belia itu sendiri mempelajari secara mendalam, menghayati dan mengamalkannya dan menjadi contoh yang baik

kepada belia yang lainnya. Kita hayati petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Wadien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1428H/2007M:

*Al-Qur'an berperanan membetulkan akidah kita dengan memberikan peringatan supaya menyembah Allah, supaya ikhlas dan bulat hanya kepada Allah semata-mata, khasnya dalam ibadat dan juga dalam semua kegiatan kehidupan yang lain-lain. Inilah syarat kejayaan dan kecemerlangan yang sebenar-benarnya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam surah Al-Haj, ayat 77, tafsirnya: "Wahai mereka yang beriman, ruku' dan sujudlah serta beribadatlah kamu kepada Tuhan kamu dan buatlah kebaikan semoga kamu beroleh kejayaan".*

Saya berharap supaya usaha seperti ini akan konsisten. Melalui inisiatif yang pelbagai matlamat ini, mutu pembacaan qari dan qariah belia terpelihara dan dapat diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi lagi khususnya di Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang akan negara hoskan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kendalikan pada bulan Oktober 2017 ini nanti.



## Senarai Nama-Nama Johan Qari dan Qariah

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Tahun 1995 hingga Tahun 2016

Tahun	Qari	Qariah
2010	Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2011		
2012	Awang Hazwan bin Haji Salim	Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
2013	Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	
2014	Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri	Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri
2015		Dayang Fatin Nurhanani binti Haji Mohdar
2016	Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili	Dayangku Siti Ummi Syazana bte Pengiran Haji Marjuki

Buat akhirnya, saya sukacita mengucapkan syabas kepada qari dan qariah yang telah terpilih untuk bertanding di peringkat akhir ini dan tahniah kepada yang akan memenanginya. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada ibu bapa dan penjaga yang mengetengahkan anak-anak mereka yang minat dalam bidang ini. Kepada penganjur pula, semoga usaha ini akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Amin. Bersama kita mengharap untuk mendapat syafaat Al-Qur'an di dunia dan akhirat.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Salam Muhibah

PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI  
HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MD. YUSSOF

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

## Sekapur Sireh

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, Segala Puji-Pujian ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Selawat serta Salam buat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi Wasallam, Kaum Kerabat, Para Sahabat serta Para Pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan adalah projek tahunan yang diungkayahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Projek berbentuk keugamaan ini dihasratkan supaya akan dapat berfungsi sebagai wadah kepada belia di negara ini di dalam mengembangkan lagi bakat masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Qur'an secara bertarannum.

Alhamdulillah, pada tahun ini seramai 101 orang belia telahpun mendaftarkan diri bagi menyertai musabaqah ini iaitu 60 orang qari dan 41 orang qariah. Satu perkembangan yang amat positif yang mana menunjukkan bahawa kecenderungan belia di dalam bidang ini terus berkembang dan mendapat sambutan yang baik di kalangan belia di negara ini terutama sekali bagi peserta qari. Keramaian peserta yang terpilih di peringkat Separuh Akhir ialah 36 orang iaitu 25 orang qari dan sebelas orang qariah.

Manakala di Peringkat Akhir Kebangsaan, kementerian ini telahpun membuat satu pembaharuan dengan menambah pesertanya yang sebelum ini seramai lapan orang peserta iaitu empat qari dan empat qariah kepada sepuluh orang peserta iaitu lima qari dan lima qariah yang akan memperdengarkan bacaannya pada malam ini. Semoga para peserta akan dapat memperdengarkan mutu pembacaan yang mantap di peringkat ini dan seterusnya mampu memberikan inspirasi kepada belia lain yang baru berjinak-jinak dalam bidang pembacaan Al-Qur'an secara bertarannum ini. Adalah diharapkan supaya belia kitani akan terus berusaha dan mempertingkatkan mutu pembacaan dan pencapaian masing-masing.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan lagi musabaqah ini dari mula pengendaliannya hingga ke Peringkat Akhir. Semoga segala amal yang berkebaikan ini akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang baik daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala juga. Amin Ya Rabbal 'Aalamin!

### ZAFRI HJ MOHAMED

Pemangku Pengarah Belia dan Sukan

Selaku Pengerusi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 1438H / 2017M

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam



## Senarai Nama-Nama Johan Qari dan Qariah

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Tahun 1995 hingga Tahun 2016

Tahun	Qari	Qariah
1995	Awang Haji Rosli bin Haji Batang	Dayang Norhalifah binti Haji Sulaiman
1997	Awang Haji Aslenan bin Haji Metussin	Dayang Amalina binti Khamis
1998		Dayang Saripah binti Haji Takong
1999	Awang Muhammad Hasrin bin Haji Khamis	Dayang Hajjah Nor Zirwatul Fadillah binti Haji Khamis
2000	Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu	Dayang Nurul Akmalina binti Haji Yahya
2001		
2002		
2003	Awang Zulhimi bin Haji Abidin	Dayang Norezah binti Haji Md Deli
2004	Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin	
2005	Awangku Md. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki	Dayang Nurfaezah binti Haji Emran
2006	Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya	Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat
2007		Dayang Hajah Siti Khadijah binti Haji Ibrahim
2008	Awangku Md Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki	Dayang Maizatun Nadzeerah binti Haji Md Daud
2009		Dayang Nor Azriah binti Haji Abdul Aziz

## SENARAI MAQRA

BIL	SURAH	AYAT	JUZ
1	ALI-'IMRAAN	13	3
2	AN-NISAA'	79	5
3	AL-MAAIDAH	6	6
4	AL-MAAIDAH	33	6
5	AL-AN'AAM	59	7
6	AL-AN'AAM	91	7
7	AL-A'RAAF	26	8
8	AL-ANFAAL	20	9
9	YUNUS	57	11
10	IBRAHIM	35	13
11	AR-RA'D	16	13
12	AN-NAHL	1	14
13	AL-ISRAA	9	15
14	AL-KAHFI	46	15
15	AN-NAML	76	20
16	LUQMAN	1	21
17	FATHIR	29	22
18	AZ-ZUMAAR	24	23
19	AL-HADID	1	27
20	AS-SAF	1	28

## *Syarat dan Format*

### 1. LATAR BELAKANG

1.1 Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan ini adalah salah satu projek tahunan yang diungkayahkan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ianya telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an lagi dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, ianya juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di Negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Qur'an secara berlagu atau "tarannum".

### 2. TUJUAN

Tujuan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan ialah:

2.1 Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1996 Masehi pada 1 Jamadilakhir, 1417 bersamaan 13 Oktober 1996. Di antara lain titah Baginda:-

*"Hasrat kita yang tunggal ialah melihat generasi Al-Qur'an itu dikongsi sama oleh semua pihak dan golongan, terutama golongan belia. Kita akan merasa bangga dengan lahirnya belia-belia yang berwatak salih. Bahawa salah satu tanda kesalihan itu ialah terlibatnya mereka dengan Al-Qur'an sama ada keterlibatan itu selaku pembaca biasa, mahupun sekaligus menjadi penghayat dan pengamal ajaran-ajarannya."*

2.2 Untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.

2.3 Untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Qur'an di kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.

2.4 Untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan di kalangan peserta belia melalui program keugamaan.

2.5 Untuk persediaan bagi pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

### 3. SYARAT PENYERTAAN

3.1 Musabaqah ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap yang memegang kad pintar warna ungu serta tidak memegang paspot negara-negara asing.

## Syarat dan Format

3.2 Peserta-peserta hendaklah berumur di antara 15-30 tahun yang lahir di antara 1 Januari 1987 hingga 31 Disember 2002.

3.3 Tidak pernah menjadi JOHAN pertandingan-pertandingan berikut:

3.4 Majlis Tilawah Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia; atau

3.5 Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

## 4. FORMAT PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan ini mengandungi tiga peringkat iaitu:

### 4.1.1 PERINGKAT SARINGAN;

4.1.1.1 Peringkat saringan ini telah dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan (ibu pejabat) dan diadakan bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

4.1.1.2 Peserta-peserta di peringkat ini dibebaskan untuk memilih mana-mana maqra yang telah disediakan oleh pihak penganjur.

4.1.1.3 Setelah keputusan dikumpul Jawatankuasa Jemaah Hakim telahpun bermesyuarat dengan pihak urus setia untuk membincangkan jumlah peserta yang difikirkan layak untuk bertanding di Peringkat Separuh Akhir.

### 4.1.2 PERINGKAT SEPARUH AKHIR KEBANGSAAN;

4.1.2.1 Peringkat ini telahpun dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan (ibu pejabat) dan diadakan bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

4.1.2.2 Keramaian peserta di peringkat separuh akhir telahpun di mesyuaratkan oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim dan pihak urus setia.

4.1.2.3 Tarikh, tempat dan masa pertandingan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.

4.1.2.4 Undian giliran membaca dan maqra ditentukan sebelum hari pertandingan dijalankan.

4.1.2.5 Empat peserta teratas dari bahagian qari dan qariah di peringkat ini adalah layak untuk bertanding di peringkat Akhir Kebangsaan. Manakala Johan Qari dan Qariah tahun 2016M juga akan dijemput ke Peringkat Akhir Kebangsaan 2017M.

## Senarai Hakim Peringkat Akhir

Bil.	Nama	Lantikan
1	Yang Mulia, Ustaz Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit	Pengerusi Jemaah Hakim
2	Yang Mulia, Ustaz Haji Muhammad Sujairi bin Haji Dollah	Timbalan Pengerusi Jemaah Hakim
3	Yang Mulia, Ustaz Dr Haji Ahmad Baha bin Mokhtar	Hakim Tajwid I
4	Yang Mulia, Ustaz Haji Mohammad Aliman bin Haji Salim	Hakim Tajwid II
5	Yang Mulia, Ustaz Haji Abd Hafeiz bin Haji Nuh Al-Hafiz	Hakim Fasahah I
6	Yang Mulia, Ustaz Muhammad Hanafi bin Haji Zaini	Hakim Fasahah II
7	Yang Mulia, Ustaz Haji Mohd Zainul Arifin Ridwan Lubis	Hakim Lagu I
8	Yang Mulia, Ustaz Haji Abdullah bin Lakim	Hakim Lagu II
9	Yang Mulia, Ustaz Awang Haji Wasli bin Haji Bakar	Hakim Suara I
10	Yang Mulia, Ustaz Awang Haji Zulkifli bin Awang Haji Murad	Hakim Suara II
11	Yang Mulia, Ustaz Awang Muhd Fahmie bin Haji Awang Metussin	Hakim Ganti

**PESERTA QARI**  
**Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri**

Alamat : No.12, Simpang 88-91  
Jalan Pulaie, Kampong  
Anggerek Desa, Berakas  
Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 19 Oktober 1997 (19 tahun)

Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi  
Pekerjaan : Guru Ugama

Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf  
Pekerjaan : Guru Ugama

Tempat Berguru : Ibu Bapa sendiri

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- |      |                                                                                                 |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2007 | - Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Peringkat Negara |
|      | - Johan, Musabaqah Peringkat Negara Bahagian Pandu Puteri                                       |
| 2008 | - Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara           |
| 2009 | - Naib Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab-Maktab Senegara      |
| 2010 | - Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara           |
|      | - Naib Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan                                       |
| 2011 | - Naib Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab Senegara             |
|      | - Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Senegara Pandu Puteri (Pandu Puteri Ranjer)                   |
|      | - Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Peringkat Akhir Kebangsaan Belia                              |
|      | - Naib Johan, Musabaqah Tilawah Qur'an Peringkat Asia Tenggara                                  |
| 2012 | - Tempat Kedua, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan                                     |

Maqra yang akan dibacakan : An-Nahl bermula ayat 1

**Syarat dan Format**

**4.1.3 PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN;**

4.1.3.1 Peringkat ini dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan (ibu pejabat).

4.1.3.2 Seramai sepuluh orang peserta iaitu lima qari dan lima qariah bertanding di peringkat ini. Jumlah tersebut termasuk seorang Johan Qari dan seorang Johan Qariah pada tahun 2016M.

4.1.3.3 Tarikh, tempat dan masa pertandingan dimaklumkan kepada peserta-peserta secara lisan dan bertulis.

4.1.3.4 Maqra-maqra akan disediakan oleh pihak penganjur.

4.1.3.5 Maqra dan giliran membaca para peserta ditentukan melalui undian yang akan dijalankan sebelum hari pertandingan.

**5. TEMPOH BACAAN DAN ISYARAT LAMPU**

5.1 Tempoh membaca ialah **10 minit**. Adapun perkiraan tempoh masa membaca bermula apabila peserta mula membaca ta'awwuz.

5.2 Peserta boleh memulakan bacaan setelah lampu hijau dinyalakan dan jemaah hakim akan mula menilai bacaan peserta.

5.3 Ketika bacaan masuk minit kelapan, lampu kuning dinyalakan dan lampu hijau dipadamkan, menandakan masa untuk membaca masih ada 2 minit, dan peserta dikehendaki bersedia untuk mengakhiri bacaan.

5.4 Apabila masa genap 10 minit, lampu merah dinyalakan dan lampu kuning dipadamkan, menandakan masa membaca telah tamat.

**6. JAWATANKUASA JEMAAH HAKIM**

6.1 Jawatankuasa Jemaah Hakim di sepanjang pertandingan adalah terdiri daripada ahli-ahli Jemaah hakim yang didapatkan daripada Jabatan Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

## ATUR CARA

15 Sya'ban 1438H / 11 Mei 2017M, Hari Khamis, 8.00 malam  
DEWAN DIGADONG,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

- 7.45 malam - Ahli Jawatankuasa dan Para Peserta hadir  
8.00 malam - Para Jemputan hadir  
8.15 malam - Kehadiran Tetamu Kehormat,  
Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B)  
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

### Acara dimulakan

- Bacaan Surah Al-Fatihah  
Ucapan Alu-Aluan oleh Pengerusi Majlis  
Yang Mulia Awang Zafri Haji Mohamed  
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan  
Ucapan Tetamu Kehormat  
Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B)  
Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yussof  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

- Musabaqah Tilawatil Qur'an dimulakan  
Persembahan Tausyeh Belia  
Pengumuman Keputusan oleh Pengerusi Jemaah Hakim  
Penyampaian Hadiah dan Cenderamata  
Bacaan Doa Selamat  
Majlis bersurai

## PESERTA QARI

### Dayang Seri Syazwani binti Haji Rosman

Alamat : No. 32, Simpang 64-28, Kampong  
Sengkarai, Tutong, TA 2341  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Lahir : 8 Ogos 2001 (16 tahun)

Nama Bapa : Haji Rosman bin Haji Jair  
Pekerjaan : Guru

Nama Ibu : Hajah Rafiah binti Haji Tuah  
Pekerjaan : -

Tempat Berguru : Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja, Tutong



### Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi

2014 - Pertandingan Taranum Al-Qur'an (Sekolah Ugama)

2015 - Pertandingan Taranum Al-Qur'an (Sekolah Ugama)

2016 - Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan

Maqra yang akan dibacakan : Al-An'aam bermula ayat 91

**PESERTA QARI**  
**Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri**

Alamat : No.12, Simpang 88-91  
Jalan Pulaie, Kampong  
Anggerek Desa, Berakas  
Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 24 Mac 1999 (18 tahun)

Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi  
Pekerjaan : Guru Ugama

Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf  
Pekerjaan : Guru Ugama

Tempat Berguru : Ibu Bapa sendiri

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2010 - Naib Johan, Kategori 'B' Peraduan Membaca Al-Qur'an Pelajar-Pelajar Sekolah Ugama Kali Ke-47
- 2012 - Johan, Kategori 'A' Perempuan bagi Peraduan Membaca Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Peringkat Negara
- 2013 - Naib Johan, bagi Peraduan Membaca Al-Qur'an Senegara Persatuan Pandu Puteri
- 2014 - Johan, Peraduan Membaca Al-Qur'an Senegara Persatuan Pandu Puteri
- 2015 - Johan, Pertandingan Membaca Al-Qur'an Senegara Antara Sekolah Sekolah dan Maktab-Maktab Kali Ke- 31

Maqra yang akan dibacakan : Al-Israa' bermula ayat 9

**PESERTA QARI**  
**Awang Muhammad Sa'adun bin Suhaili**

Alamat : No. 15, Simpang 105, Jalan Bebatik  
Kilanas, BF 2520  
Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 11 September 1994 (22 tahun)

Nama Bapa : Suhaili bin Haji Abdul Karim  
Pekerjaan : Pemangku Penolong Pengarah  
Peperiksaan

Nama Ibu : Pengiran Hjh Salbiana binti Pengiran Haji Ali  
Pekerjaan : Suri Rumah Tangga

Tempat Berguru : Dato Paduka Awang Haji Md. Yussop bin Bakar  
(Kursus Qari-Qariah Muda anjuran Syiar Islam, KHEU)  
Ustaz Haji Muhd. Fahmie bin Haji Awang Metussin  
Ustaz Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2011 - Tempat Ke-empat, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Akhir Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab
- 2013 - Memasuki peringkat separuh Akhir Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Kebangsaan  
- Johan Musabaqah tilawah Al-Qur'an Belia Kebangsaan, Peringkat Akhir
- 2015 - Naib Johan, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Kebangsaan, Peringkat Akhir  
- Memasuki peringkat separuh Akhir Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Kebangsaan
- 2016 - Johan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan, Peringkat Akhir  
- Memasuki peringkat separuh Akhir Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Kebangsaan
- 2017 - Memasuki peringkat separuh Akhir Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Bahagian Dewasa Kebangsaan

Maqra yang akan dibacakan : Al-A'raaf, bermula ayat 26

**PESERTA QARI**

**Awang Abdull Mu'in bin Haji Abd. Hamid**

Alamat : F2, No. 2, Flat Sekolah  
Men. Awang Semaun,  
Kampong Sungai Kebun.  
BK 2325.  
Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 11hb Mac 1988 (19 tahun)

Nama Bapa : Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mahmudin

Pekerjaan : Bekerja Sendiri

Nama Ibu : Dayang Anis binti Haji Duah  
Pekerjaan : Jabatan Sekolah-Sekolah, Kem. Pendidikan

Tempat Berguru : Ustazah Hajah Aminah binti Haji Manaf  
Ustazah Hajah Khuzaimah Yadey bin Haji Rosli  
Ustaz Muhammed Noor bin Haji Ibrahim

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2011 - Naib Johan Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Peringkat Sekolah Ugama dan Sekolah Arab senegara
- 2014 - Naib Johan Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Peringkat Sekolah dan Maktab
  - Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Qur'an anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 2015 - Johan Musabaqah Tilawatil Al-Qur'an anjuran Sekolah dan Maktab
  - Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Qur'an anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 2016 - Johan Musabaqah Tilawatil Qur'an Sekolah dan Maktab Senegara
  - Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawatil Qur'an anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Maqra yang akan dibacakan : Yunus bermula ayat 57

**PESERTA QARI**

**Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri**

Alamat : No.12, Simpang 88-91  
Jalan Pulaie, Kampong Anggerek Desa, Berakas Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 19 Oktober 1997 (19 tahun)

Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi  
Pekerjaan : Guru Ugama

Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf  
Pekerjaan : Guru Ugama

Tempat Berguru : Ibu Bapa sendiri

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2008 - Johan Peraduan Al-Qur'an Kategori B Sekolah-Sekolah Ugama Senegara
  - Mewakili Negara ke Peringkat Membaca Al-Qur'an Kanak-Kanak MABIMS Di Indonesia
- 2010 - Tempat Ketiga, Peraduan Al-Qur'an Kanak-Kanak MABIMS
- 2012 - Johan Membaca Al-Qur'an Bahagian Pandu Puteri
- 2013 - Johan, Membaca Al-Qur'an Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara
- 2014 - Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2015 - Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2016 - Tempat Kedua, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan

Maqra yang akan dibacakan : Al-Hadid bermula ayat 1

**PESERTA QARI**  
**Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki**

Alamat : No. 918A, Simpang 918, Kampong Sungai Belukut, Jalan Kota Batu BD 2119 Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 12 Disember 1994 (22 tahun)

Nama Bapa : Pengiran Haji Marjuki bin Pengiran Haji Abd. Rahman

Pekerjaan : Pegawai Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid

Nama Ibu : Hajah Asmawati binti Haji Jaafar  
Pekerjaan : Timbalan Pendaftar Mahkamah Majistret, Jabatan Kehakiman Negara

Tempat Berguru : Ibu Bapa sendiri  
Dato Paduka Haji Mohd. Yussop bin Bakar  
Awangku Md. Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki  
Awangku Md. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki  
Ustazah Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf  
Ustazah Hajah Huzaimah Yadey binti Haji Rosli

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2007 - Johan dalam Pertindangan Membaca Al-Qur'an Sekolah Ugama Senegara (Kategori A)
- 2009 - Tempat Ketiga, Membaca Al-Qur'an Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara
- 2011 - Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2012 - Tempat Kedua, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2013 - Naib Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2014 - Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2015 - Naib Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2016 - Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan

Maqra yang akan dibacakan : Al-An'aam bermula ayat 59

**PESERTA QARI**  
**Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri**

Alamat : No.12, Simpang 88-91 Jalan Pulaie, Kampong Anggerek Desa, Berakas Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 11hb Disember 1994 (22 tahun)

Nama Bapa : Pengiran Haji Jofri bin Pengiran Adi  
Pekerjaan : Guru Ugama

Nama Ibu : Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf  
Pekerjaan : Guru Ugama

Tempat Berguru : Ibu Bapa sendiri

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2011 - Tempat ketiga, Peraduan Membaca Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara
- Tempat ketiga, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- 2012 - Johan Peraduan Membaca Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara 1433H/ 2012M
- Naib Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 1433H/ 2012M
- 2013 - Naib Johan, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan
- Tempat Ketiga, Peraduan Membaca Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara
- Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara
- 2014 - Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2014
- Mewakili Negara bagi Musabaqah Tilawatil Qur'an Peringkat Antarabangsa Kuwait kali ke-5
- Mewakili Negara Ke Majlis Tilawatil Qur'an Antarabangsa Majlis Agama Islam Melaka bersama Dunia Melayu Dunia Islam Kali Ke-5
- 2015 - Johan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Belia Kebangsaan
- Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Asia Tenggara

Maqra yang akan dibacakan : An-Nisaa' bermula ayat 79

**PESERTA QARI**  
***Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim***

Alamat : No.29, Simpang 153, Jalan 3,  
 Perumahan Awam Kampong Rimba  
 BE 3319  
 Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 28 September 1996 (20 tahun)

Nama Bapa : Haji Ibrahim bin Haji Abdul Rahman  
 Pekerjaan : Jabatan Bomba dan Penyelamat

Nama Ibu : Hajah Johrah binti Haji Matasat  
 Pekerjaan : Guru Ugama

Tempat Berguru : Skim Tilawah Al-Quran Remaja

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2007 - Tempat Ketiga, Pertandingan Membaca Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan, Brunei II
- 2010 - Tempat Ketiga, Peraduan Haflah Al-Qur'an Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja
  - Johan, Pertandingan Membaca Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei III
- 2012 - Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara
- 2013 - Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Belia Kebangsaan 2013
- 2014 - Johan, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab Senegara
  - Johan, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an secara Murattal bagi Penduduk Brunei dan Muara
- 2015 - Tempat Ketiga, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Belia Kebangsaan 1436H/ 2015M
  - Johan, Musabaqah Tilawah Al-Qur'an secara Murattal bagi penduduk Brunei Muara

Maqra yang akan dibacakan : Ar-Ra'd bermula ayat 16

**PESERTA QARI**  
***Ahmad Zulwaqar bin Suhaili***

Alamat : No. 20, Simpang 4, Jalan Nibung,  
 RPN Lumut, Belait  
 KC 2935  
 Negara Brunei Darussalam



Tarikh Lahir : 19 Jun 1991 (25 tahun)

Nama Bapa : Suhaili bin Md. Zain Rahimahullah  
 Pekerjaan : -

Nama Ibu : Hajah Rosidah binti Haji Salman  
 Pekerjaan : Guru Ugama

Tempat Berguru : Suhaili bin Md. Zain Rahimahullah  
 Haji Salman bin Haji Abu Bakar  
 Ustaz Haji Mustakim Sariyun  
 Ustaz Haji Che Ja'far  
 Ustaz Zul Hafiz

**Pengalaman dan Kejayaan Yang Pernah Diperolehi**

- 2003 - Johan Peraduan Membaca Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Ugama & Rintis Senegara
- 2008 - Finalis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Kebangsaan
- 2009 - Finalis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Kebangsaan
- 2010 - Finalis Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Belia Kebangsaan
  - Tempat Ketiga, Zainul Qur'an anjuran RTB
  - Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan
- 2011 - Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Kebangsaan

Maqra yang akan dibacakan : As-Saf bermula ayat 1